


PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 17 RABU 29 APRIL, 1970 رابو 22 صفر 1390 PERCHUMA



Gambar menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dengan di-iringi oleh Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof menuju kapal terbang sa-jurus sa-belum berlepas meninggalkan lapangan terbang Berakas pada tengah hari semalam. Di-kiri sekali ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Di-Raja Pengiran Anak Chuchu ia-itu salah sa-orang yang mengiringi baginda dalam lawatan keluar negeri.

Duli Yang Maha Mulia yang di-iringi oleh adinda baginda Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkihah dan Yang Di-Mulikan Pehin Setia Pahlawan Awang Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir telah berlepas dengan sa-buah kapal terbang Tenara Udara Di-Raja British di-Timor lauh ka-Singapura dalam perjalanan Baginda untuk melawat negeri2 Jepun, dan Australia.

Semasa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berada di-luar negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan akan menjadi Timbalan Sultan.

Turut mengucapkan selamat belajar kepada Duli Yang Maha Mulia dan rombongan di-lapangan terbang ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ketua2 Jabatan dan orang2 bergelar.

DULI PG. PERDANA WAZIR PUJI USAHA2 PGGMB DALAM BIDANG PERNIAGAAN

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkihah telah berangkat ka-Dewan Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu di-Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas untuk merasmikan pembukaan mashuarat agong kali ke-21 persekutuan itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir dalam sabda-nya antara lain telah memuji atas usaha2 yang di-laksanakan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, dalam memajukan perniagaannya di-negeri ini.

Duli Pengiran Perdana Wazir bersabda, di-samping meninggikan taraf hidup dan memberikan berbagai kemudahan kepada semua ahli2 persekutuan itu, ia-nya juga mengharumkan nama baik negeri ini.

Menyentuh tentang pendidekan, Yang Teramat Mulia itu menyeru semua guru2 yang juga menjadi ahli persekutuan itu supaya mendidik

anak2 dengan penoh kejujuran dan tanggung jawab, supaya anak2 itu menjadi satu bangsa yang berbudi dan berakhlak tinggi untuk mencherminkan keperibadian Brunei sejati.

Terdahulu sa-belum itu, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang juga selaku Penasehat Agong P.G.G.M.B. dalam ucapan-nya telah menasihatkan guru2 supaya menjunjukkan keperibadian yang baik kepada kanak2 bukar sahaja di-segi pendidekan tetapi juga menanamkan perasaan kaseh sayang kepada Sultan dan Negeri ini.

Kata-nya, prinsip2 ke-negaraan itu harus-lah di-tanam dalam sanubari kanak2 itu dari sekarang supaya mereka tidak terchari2 masyarakat-nya di-masa akan datang.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes dan Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Shahbuddin bin Salleh.

Di-antara yang hadir dalam majlis itu termasuk-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan jemputan2 khas.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar ketika menyampaikan sabda sa-belum merasmikan mashuarat agong PGGMB. Di-kanan ia-lah Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof dan di-kiri ia-lah Awg. Shahbuddin bin Salleh.

Muzium kehendaki binatang2 tempatn untuk di-pamerkan


BANDAR BRUNEI. — Pejabat Muzium Brunei pada masa ini sedang berusaha mengumpuln binatang2 tempatn untuk di-pamerkan di-bangunan Muzium baru di-Kota Batu yang akan siap tidak berapa lama lagi.

Sa-orang juruchakap di-Pejabat Muzium meminta kerjasama dari orang ramai supaya menghantar sa-berapa banyak jenis2 binatang

tempatn seperti burung, kupu2, ular, kijang dan berjenis2 binatang yang lain sama ada hidup atau yang baru mati.

Kulit2 dari binatang itu hanya akan di-ambil yang kemudian-nya di-buat semula dengan campuran bahan2 lain merupakan bentuk asal-nya yang boleh di-simpan ber lama di-Muzium itu.

SABDA KHAS D.Y.T.M. PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN DALAM KURSUS PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika melafadzkan sabda khas kepada peserta2 Kursus Pegawai2 dan Guru2 UGAMA pada 19 April yang lalu.

TERLANJUR saya atau beta di-puhonkan dan di-minta oleh Pengetua Hal-Ehwal UGAMA supaya dapat memberikan sedikit sebanyak pendapat dalam majlis ini. Pada beta atau saya, tidak-lah selayak-nya saya akan memberikan nasihat, tapi hanya memberikan pendapat. Kerana beta atau saya ada-lah sangat2 tuhor di-segi ugama. Insha Allah, sunggohpun umur beta atau saya mengikut tarikh persuratan beranak sabener-nya saya di-zahirkan di-dalam 23hb. September, 1914. Saya ada-lah dengan pertolongan Pengiran Paduka Tuan, di-masa itu British Resident maseh lagi, bagi membolehkan saya belajar di-Kuala Kangsar di-turunkan umur saya daripada 20 tahun kepada 17 untok membolehkan sekolah itu menerima beta atau saya bersekolah di-Malay Kolej, Kuala Kangsar, yang sama umur-nya ia-lah umur Pengiran Pemancha masa masuk sekolah Malay Kolej Kuala Kangsar tahun 1900 umur-nya 17 tahun ia di-zahirkan tahun 1900 ujung 17 bersamaan kelahiran Duli Pengiran Pemancha. Itu-lah satu sa-bagai ingatan ayahanda-nya Pengiran Bendahara Abdul Rahman yang digelar Pengiran Anak Juned Berarak menjadi Bendahara.

Bagi menunaikan permintaan Pengetua Hal-Ehwal UGAMA supaya beta atau saya memberikan pendapat sedikit sebanyak di-majlis ini terpaksa saya tunaikan dengan mendahului Alhamdulillah, beta atau saya menguchap shukor ka-hadhrat Allah subhanahu wataala kerana dengan limpah kurnia-nya dapat-lah kita berkumpul dalam dewan majlis yang berkebajikan lagi berkat ini. Salawat serta salam kepada junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. berserta dengan sahabat2 dan pengikut2 Baginda yang setia.

TERIMA KASEH

Terlebih dahulu beta atau saya menguchap terima kasih kepada Pengetua Hal-Ehwal UGAMA kerana ingatan kebaik-nya dan juga ingatan kaseh-nya kepada beta atau saya untok memberi satu peluang meminta saya beruchap di-sini sambil membolehkan saya atau beta berpandang wajah dengan pegawai2 ugama, guru2 ugama, merinyu2 ugama dan juga kakitangan Jabatan Hal-Ehwal UGAMA yang lain di-dalam majlis yang berkebajikan ini. Di-samping itu beta atau saya di-jemput, yang saya nyatakan tadi di-minta, untok memberikan kata pendapat kepada peserta2 kursus pegawai2 dan guru2 ugama kali yang kedelapan ini.

Mari-lah kita renongkan yang mana negeri kita Brunei Darussalam ini terkenal dengan keamanan dan kemaamoran-nya. Tohan, Allah subhanahu wataala telah menchurahkan rahmat-nya ka-negeri

Brunei ini yang menyebabkan dengan usaha yang bersunggoh, Brunei boleh jadi terkaya dari negara2 yang baru merdeka di-lingkongan kommonwealth — di-lingkongan kommonwealth —, maka ada-lah menjadi tugas sa-tiap raayat untok menjaga dan memelihara keamanan dan kemaamoran negeri kita yang terchinta ini. Bagitu juga keselamatan-nya hendak-lah di-usahakan supaya sentiasa, mudah2an terjamin, sebab dengan rusak-nya keselamatan dan keamanan negeri ini, Negeri Brunei Darussalam ini, tentu-lah akan memberi kesan kepada kemaamoran-nya dan akan menchachatkan kemaamoran dan kebajikan yang dinikmati atau yang akan dinikmati oleh raayat dan penduduk serta laila isj dalam-nya.

TANGGONG-JAWAB RAAYAT

Saya harap atau beta harap pendapat saya ini bukan-lah satu nasihat yang layak boleh di-dengar dalam majlis ini chuma saya menyatakan pendapat sa-bagai titah Sultan yang ia-nya Sultan Hassanul Bolkiyah Mu'izzadin Waddaulah di-jadikan oleh Tohan Allah Subhanahu wataala sa-bagai Sultan yang memerintah dalam negeri ini ada-lah di-berati dan memikul bebanan untok keamanan, ketenteraman dan yang berlandaskan usaha bagi mengawal keselamatan. Maksud Duli Yang Maha Mulia Sultan mengenai keamanan itu ada-lah satu perkara yang mustahak menjadi tanggong-jawab raayat penduduk seluruh negeri ini dengan tidak payah di-galakkan oleh kerajaan Ba-

ginda yang mana telah di-galakkan oleh kerajaan Baginda — oleh Kerajaan Sultan — yang mana sa-bagai mana yang beta dan saya sebutkan di-sini — keamanan ada-lah membuktikan raayat penduduk dan laila isj dalam-nya rajin berusaha hasil dari rajin berusaha yang di-amalkan atau di-praktikkan oleh raayat penduduk dalam negeri ini bukan hanya akan menambahkan hasil pendapatan sa-bagai menambah kemaamoran, akan tetapi raayat dan penduduk ada-lah sebok dengan pekerjaan dan usaha ikhtiar sa-hari2an. Dengan jalan itu juga raayat tidak akan dapat di-pengarohi oleh anasir2 yang tidak di-ingini yang akan merosak dan memporak-purandakan negeri Brunei. Menyentoh titah Sultan mengenai ketenteraman, juga ada-lah menjadi tanggong-jawab yang berat kepada raayat penduduk yang chintakan negeri-nya yang maamor ia-itu negeri-nya aman, Brunei Darussalam — yang rahmat-nya, yang Tohan Allah Subhanahu wataala menchurahkan rahmat-nya di-Negeri Brunei ini sangat banyak — belum habis di-usahakan. Menyentoh kepada keamanan ada-lah membuktikan raayat penduduk di-negeri ini patoh kepada undang2 dan peraturan negeri dan hukum — dan yang lebeh utama sekali hukum2 ugama. (Ini pada pendapat saya dan tafsiran beta di-atas mengenai ketenteraman).

HASUTAN LUAR

Raayat rajin — raayat patoh pada berjenis undang2 dan peraturan, hendak-lah kita renongkan berapa ratus ribu penduduk Negeri Brunei, bolehkah kita — bolehkah askar dan

pasokan Polis yang mengawal — yang bertugas pada mengawal keselamatan yang sebanyak — kata-lah dua battalion lebeh dengan 11 battalion. Kalau pelanggaran dari-pada luar negeri — kalau an-chaman timbul yang berbesar2-an hasil dari hasutan dari luar.

TAKHTA KERAJAAN

Oleh yang demikian sebab dengan rosak-nya keselamatan dan keamanan negeri ini — keamanan negeri ini — tentu-lah akan memberi kesan kepada kemaamoran-nya — dan akan menchachatkan kemaamoran dan kebajikan yang dinikmati atau yang akan dinikmati oleh raayat dan penduduk serta isj di-dalam-nya. (Maana isj di-dalam-nya pokok yang separoh berkechambah sukan hidup subur berkehendakkan minta bela pelihara supaya rahmat Tohan kapada-nya menakala di-buahkan-nya akan dapat di-nikmati oleh manusia dalam negeri ini). Sunggohpun beta atau saya dengan rela hati dan bukan baru yang mana doa beta atau saya dari semenjak tahun 1958 berdo'a kepada Tohan bila sampai umur beta lima puluh tahun dengan syarat Sultan yang sekarang ini — anak saya atau beta — lulus pelajaran-nya beta memuhon kepada Tohan rabbul alamin supaya takhta Kerajaan beta, Tohan berikan kepada-nya — kepada Sultan Hassanul Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah yang menjadi bakal Sultan masa itu. Dengan itu-lah saya — beta sekali lagi menyatakan chara ringkas telah di-terangkan supaya awang2

SABDA D. Y. T. M. PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN

(Dari Muka 2)

dan dayang2 sekalian ini mengetahui ia-itu sungguhpun saya dan beta dengan rela hati telah turun dari takhta Kerajaan dan sekarang di-kenali sa-bagai Duli Yang Teramat Mulia — (bukan lagi menjadi Duli Yang Maha Mulia) — Paduka Seri Bagawan Sultan, tetapi hasrat beta atau saya supaya negeri ini di-jalankan menurut laila chara berperlembagaan yang mana ada-lah berjalan dengan baik-nya menurut laila chara perlembagaan 1959 di-bawah — sekarang di-bawah pimpinan Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Beta berharap atau saya berharap semoga raayat dan penduduk negeri ini akan memberikan penoh — benar2 penoh taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan memberikan sokongan yang jujur kepada kerajaan Baginda untuk melaksanakan projek2 yang mendatangkan faedah yang berkebajikan kepada raayat dan penduduk serta laila isi dalam-nya. Sekali lagi saya ulangi tanggungjawab dan kewajiban raayat ada-lah sa-bagai pasak negeri ia-itu bersungguh2 pada menjaga dan memelihara kerasmian Ugama Islam yang di-akui, bukan suatu kerja yang ringan atau ada-lah pada merasmikan — pada memelihara kerasmian Ugama Islam ada-lah di-akui suatu kerja yang bukan ringan bahkan ia mengkehendakkan suatu susunan dasar yang — dan ranchangan2 yang teratur laila tersusun kerana Allah — pada melaksanakan-nya dengan saberapa rapi yang boleh.

MENCHAPAI KEJAYAAN

Awang2 dan dayang2 sabagai pegawai2 ugama dan guru2 ugama tentu-lah lebeh banyak berhubung rapat dengan melaksanakan yang rapi perasmian Ugama Islam itu di-negeri ini. (Saya minta maaf — ini bukan-lah satu nasihat hanya pendapat). Untuk menjamin perlaksanaan yang berjaya perlu-lah di-sediakan dan di-chari sebab2 untuk menchapai kejayaan itu pada mengembangkan Ugama Islam — merasmikan Ugama Islam khas-nya, maka di-sini beta sukachita akan mengemukakan pendapat2 yang beta atau saya fikirkan atau sifatkan memerlukan beta atau saya memberikan pendapat saya untuk di-renongkan oleh awang2 dan dayang2 sekalian di-majlis ini ia-itu terdiri dari 4 pendapat saya. Beta saya sama juga.

Pertama: **ILMU PENGETAHUAN** khas-nya pegawai2 ugama dan guru2. beta berpendapat atau beta perchaya awang2 dan dayang2 yang mempunyai persediaan terpelajar laila berjenis ilmu pengetahuan berhubung dengan ugama Islam sa-belum awang2 dan dayang2 di-lantek dan memegang jawatan yang awang2 dan dayang2 bertugas-sekarang ini. Kerana ujud-nya persediaan hasil dari berjenis laila ilmu pengetahuan yang ada pada awang2 dan dayang2, itu-lah sa-bagai satu sebab diantara lain menjadi awang2 dan dayang2 memegang jawatan tersebut. Laila ilmu pengetahuan tiada-lah terhad dan ilmu pengetahuan kalau tidak di-ulang kaji selalu atau kalau selalu-nya terbiar dengan tidak di-ulang kaji, ia-nya ilmu pengetahuan atau kita terlupa. Kerana, beta — kerana itu-lah beta sukachita di-atas langkah2 untuk mengadakan kursus seperti ini, kerana awang2 dan dayang2 dapat mengulang kaji dan dapat menambahkan ilmu pengetahuan untuk melichinkan lagi tugas pekerjaan awang2 dan dayang2. Oleh yang demikian awang2 dan dayang2 hendaklah sentiasa menambah ilmu pengetahuan saberapa tinggi yang boleh. Saya pernah buat — beta pernah buat — ini bukan di-segi ugama — di-segi pentadbiran. Saya pernah bekerja di-bawah Pehin Datu Perdana Menteri. Dia juga selama 8 tahun bekerja sabagai setiausaha kepada beta atau saya. Pada permulaan saya anggap, oleh kerana ia mahir dari segi pentadbiran ada-lah saya menjalankan tugas Sultan yang mempunyai Setiausaha yang mahir di-segi pentadbiran ia-itu menjalankan tugas beta atau saya sambil berguru. Dan hendak-nya-lah menambahkan ilmu pengetahuan itu dengan faham — dengan fahaman yang sempurna, serta jika terdapat sebarang kemuskilan atau kekeliruan jangan-lah malu2 bertanya atau bermuakarah atau meminta pitua atau meminta tunjukkan dengan orang2 yang mempunyai ilmu pengetahuan yang lebeh tinggi dan selalu-lah di-ingatkan pepatah orang tua2; (Ini bidalan ini saya rasa lapok, tapi maseh saya pakai atau beta pakai. Boleh jadi Pehin Maharaja Di-Raja mengatakan perumpamaan saya ini lapok. Malu bertanya sesat jalan dan jika sesat di-hujung jalan balek-lah ka-pangkal jalan. Kalau sebak-lah nva maka amat-lah sukar atau wallah-waalam.

Kedua: **KEJUJURAN**: kejujuran menanggung amanah

sangat2-lah di-kehendaki khas-nya di-dalam bidang pentadbiran, sesiapa yang di-sifat — yang sifat jujur yang tidak tegoh — apalagi orang2 yang tidak berapa jujur, lebeh2 lagi orang yang lemah kejujuran-nya ada-lah senang di-pengarahi oleh, untuk melakukan perkara2 yang churang. Pengarah yang di-maksudkan ini atau itu, termasuk-lah pengarah wang ringgit, kekayaan, pangkat dan yang sa-umpamanya. Kechurang sangat-lah merbahaya — sangat-lah merbahaya. — Sa-siapa yang melakukan chara sifat churang — (mengarahkan pandangan kepada Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja): Pehin mendengar chakap kaula terima kaseh Pehin. Merbahaya itu bukan saja menimpa kepada diri sendiri (orang itu yang melakukan churang), bahkan ada-lah melampau kepada pehak2 yang lain termasuk-lah kerusakan keperibadian, kerusakan musharakah dan juga kerusakan negeri. Oleh itu awang2 dan dayang2 ada-lah beta harap atau saya harap supaya menjadi orang2 yang paling jujur dan patut menjadi ikutan kepada orang2 lain ka-jalan kebajikan, sementalah pula, awang2 dan dayang2 ia-lah orang2 sa-bagai orang2 yang berilmu pengetahuan atau sabagai orang2 yang berilmu pengetahuan di-segi ugama atau dari segi ugama.

PERIBADI

Ketiga: **PERIBADI**: mempunyai peribadi yang tinggi ada-lah satu perkara yang sangat di-kehendaki, kerana walau sa-tinggi2 mana pun ilmu pengetahuan sa-saorang itu jika peribadi-nya rendah, maka orang itu tidak-lah bagitu dihormati — dan susah bagi Sultan akan menumpukan kepercayaan-nya. Boleh jadi dengan chara itu kehormatan kurang kepada-nya — dan perchakapan-nya pun tidak-lah bagitu berkesan. Oleh yang demikian, awang2 dan dayang2 di-seru (Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan) menyeru menurut titah-nya kemarin dulu — supaya mempunyai melailakan peribadi yang tinggi sa-bagaimana yang di-ajarkan oleh ugama Islam kita yang suchi.

Keempat: **PERCHAMPURAN DENGAN MUSHARAKAH**: awang2 dan dayang2 adalah mustahak mempunyai sifat suka berchampur gaul dengan musharakah. Awang2 dan dayang2 adalah mustahak mempunyai sifat suka berchampur gaul dengan musharakah, dalam pada itu hendak-

lah pandai menyesuaikan diri dengan musharakah yang di-champuri itu bagi maksud supaya anggota musharakah itu dapat di-bawa ka-jalan yang di-redhai Allah.

CHINTAKAN KESELAMATAN

Maka tanamkan-lah jiwa awang2 dan dayang2 semangat suka bergaul menurut lunas2 yang sihat, jangan-lah seperti kata orang tua2; atau jangan-lah seperti kata orang tua2; bersifat sa-bagai ayam hutan atau tunjang kalalain, atau tunjang perkelahian. Beta atau saya mengemukakan pendapat2 yang empat tadi ada-lah di-desak oleh perasaan yang tulus ikhlas ia-itu beta atau saya beruchap atau berchakap dari hati ka-hati untuk mengelokkan lagi perlaksanaan perkembangan ugama Islam di-negeri ini dan juga mengelokkan lagi pendirian dan pembawaan pegawai2 dan guru2 ugama di-negeri ini serta mengelokkan lagi pembawaan raayat penduduk yang chintakan keselamatan, keamanan, ketenteraman negeri kita Brunei Darussalam ini, yang mana kita perchaya keelokkan2 seperti itu ada-lah menjadi sumbangan yang benar2 kepada atau pada melichinkan dan mentegohkan pentadbiran kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang di-kasehi.

Sa-bagai awang2 dan dayang2 kerap kali melihat huruf besar atau uruf besar — huruf besar yang menampal di-kereta beta atau saya ia-itu dengan huruf P.S.B. Pada beta atau saya PADUKA SERI BAGAWAN dan pada arti-nya bagi saya juga memahamkan-nya PENASIHAT SULTAN BRUNEI. Itu samemang, sebab Bagawan juga sa-bagai AYAH kepada Sultan yang mana beta atau saya berdoa kepada Tohan Rabbulalamin semoga negeri Brunei ini di-berji perlindungan oleh Allah subhanahu-wataala dan sentiasa di-kurniakan-nya rahmat dan kemaamoran serta keamanan laila tenteram yang berkekalan di-bawah pimpinan Sultan dan Yang di-Pertuan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Akhir-nya beta, saya berdoa supaya pendapat yang beta atau saya sampaikan ini akan dapat di-fikirkan bersama2 oleh pegawai2 dan guru2 ugama sekalian. Semoga Allah subhanahu wataala memberi petunjuk kepada kita ka-jalan yang di-redhai-nya. Amin. Terima kaseh.

29hb. April 1970.

SABDA KHAS

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ai Saifuddin dalam sabda khas yang di-lapadzkan dalam Kursus pegawai2 dan guru2 Ujama sa-Negeri Brunei kali yang ke-8 telah menyentuh banyak perkara yang mustahak di-praktikkan untuk benar2 mengujudkan Brunei Darussalam ini sabagai sa-buah negara yang benar2 aman, tenteram dan maamor.

Keseluruhan sabda Duli Yang Teramat Mulia itu ada-lah menitek beratkan kepada untong nasib Negeri Brunei di-masa depan sambil menekankan-nya sa-bagai tanggung-jawab utama seluruh lapisan raayat bagi mententukan-nya.

Dengan kekayaan negeri kita dewasa ini, ada-lah suatu hal yang tidak nampak persain-bangan-nya jika hanya sekadar kekayaan itu di-sambut dengan rasa bangga, sedang kemungkinan2 yang akan timbul di-masa2 yang akan datang tidak ba-gitu di-sadari dengan sedalam2-nya. Kekayaan tidak akan ber-arti jika tidak timbul kesedaran yang amat mendalam untuk menjaga, mengekal dan mening-gikan peratus kekayaan itu sambil menggunakan-nya pada tempat2 yang berfaedah dengan khidmat2 yang jujur dan ikhlas. Masaalah ini bukan-lah men-jadi tanggung-jawab kerajaan sahaja, bahkan sa-bagai masaalah yang menyeluruh sifat-nya maka tanggung-jawab itu di-pikul bersama oleh seluruh ra-ayat negeri ini.

Maka yang utama sekali di-pelihara, seperti yang di-tekan-kan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sul-tan, bahawa tugas pening sa-tiap raayat ia-lah menjaga dan melihara keamanan, keselamatan dan kemaamoran negeri kita yang terchinta ini. Sebab dengan kerosakan keselamatan dan keamanan itu, maka ia-nya akan memberi kesan kepada kemaamoran. Maka sa-tiap usaha yang di-lakukan yang tidak akan menchachatkan kemaamoran ne-gara, bahkan dapat membantu pada meninggikan nilai2 kemaamoran itu, ada-lah satu usa-ha yang amat berharga, tetapi jika sebalak-nya, maka usaha2 itu akan menjadi kotokan sepan-jang masa dan akan men-jadi bahan chelaan yang utama nanti di-kalangan jenerasi2 yang akan datang.

Rumusan pada sabda itu, ada empat perkara yang penting yang di-utarakan untuk di-fahamkan sedalam2-nya oleh se-mua pehak ia-itu:

Betapa perlu-nya menambah ilmu pengetahuan yang ada pa-da sa-saorang dalam berbagai2 perkara. Kejujuran menang-gong amanah ada -lah mustahak khas-nya di-bidang pen-tadbiran. Mempunyai peri-badi yang tinggi ada-lah sangat2 di-khendaki. Ada-lah juga mustahak mempunyai sifat su-ka berchampur gaul dengan musharakah bagi maksud su-paya anggota musharakah itu dapat di-bawa ka-jalan yang di-redhai Allah.

Ke-empat2 pendapat ini ada-lah memberatkan kepada pem-bawaan sa-saorang terutama-nya yang memikul tanggung-jawab2 dalam pembangunan masharakat dan negara. Semoga pendapat2 itu akan di-genggam erat.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....2



Nama: Kiri.

Logam: Di-buat daripada tembaga dan sedikit besi (iron).

Keterangan: Kiri selalu-nya di-isi dengan ayer yang di-gunakan untuk berbagai2 per-kara seperti dalam adat per-kahwinan (membasoh kaki); mengambil ayer sembahyang; dan beberapa achara lain lagi.

Kiri ini kadang2 di-gelar "ki-ri biji guruh" kerana bentok-nya seperti biji guruh (getah). Penggunaan-nya sekarang ini ada-lah jarang kerana telah di-ganti dengan benda serupa chiptaan baru.

Kiri ini di-beli dalam tahun 1952.

Sukatan: Tinggi — 6½ inci.
Lebar — 6½ inci.

PERADUAN TALENTIME 1970

BANDAR BRUNEI. — Ba-hagian Ingeris Radio Brunei sekarang mempelawa peserta2 bagi memasoki peraduan Tal-entime 1970.

Peraduan itu akan di-ba-hagikan kepada tiga bahagian — penyanyi persaoangan bagi lelaki dan perempuan dan pe-nyanyi2 kumpulan.

Peserta2 yang ingin meng-ambil bahagian dalam peradu-an itu mesti-lah tinggal di-Brunei selama tidak kurang dari enam bulan sa-belum tarikh peraduan itu.

Sa-orang peserta yang meng-ambil bahagian dalam peradu-an itu mesti-lah menghantar-kan sa-keping gambar-nya sendiri atau gambar kumpulan, dan semua permohonan mesti-lah di-kirim melalui pos ber-daftar atau di-sampaikan sendiri kepada penerbit peraduan itu.

Semua permohonan mesti-lah di-hantarkan kepada Pe-nerbit, Talentime 1970, Radio Brunei, Brunei tidak lewat dari 30 Mei.

Borang2 masuk bertanding sekarang boleh di-dapati dari Jabatan Penyiaran dan Pene-rangan di-Bandar Brunei dan Kuala Belait.

61 lesen lagi telah di-keluarkan

BANDAR BRUNEI. — Jaba-tan Letrik telah mengeluarkan lesen kepada 61 buah sharikat sa-bagai pemborong2 bagi ker-ja memasang kawat letrik, memasang alat penyejok dan memasang kebel bagi tahun 1970.

Dari jumlah itu 29 akan menjalakan kerja memasang kawat, 15 alat penyejok dan 17 memasang kebel.

Sa-orang juruchapak bagi

Jabatan Letrik berkata, kon-trektor itu di-bahagikan kapa-da tiga kelas, "A", "B" dan "C" dan tawaran bagi kerja2 ada-lah menurut tingkatan me-reka.

Juruchapak itu berkata, pemborong2 itu ada-lah di-kenakan bayaran sa-ratus ring-git bagi tiap2 satu lesen.

Lesen itu sah di-pergunakan dalam masa 12 bulan dari 1hb. Januari hingga 31 Disember.

Pembinaan bangunan lapangan terbang berjalan lancar

BANDAR BRUNEI. — Ker-ja2 bagi pembinaan rangkaian bangunan2 lapangan terbang di-lapangan terbang antara bangsa yang di-chadangkan di-Berakas telah berjalan dengan baik-nya dalam masa dua bu-lan yang lalu.

Ini telah di-nyatakan oleh Awang G. Wilson, jurutera sharikat perunding Scott, Wil-son, Kirkpatrick dan Rakan2 yang mengawasi kerja2 pembinaan itu bagi pehak ke-rajaan.

Awang Wilson berkata, ker-ja memasang pail dengan menggunakan alat2 pengorek khas sekarang sedang di-jalan-kan.

Oleh yang demikian kerja ka-atas dasar sebelah bawah landasan telah juga di-mula-kan.

Pemindahan tanah gembor di-kawasan paya berjalan de-ngan baik dan di-jangka akan siap dalam masa kira2 empat bulan.

Seluruh projek itu yang di-jadualkan siap dalam tahun 1972 ada-lah di-anggarkan me-nelan belanja sa-banyak \$50.9 juta.

Jumlah itu termasuk per-belanjaan bangunan sa-ba-nyak \$5 juta, pembelian tanah, kerja perumahan dan lain2.

Apabila siap nanti lapangan terbang itu ada-lah di-antara yang moden sekali di-dunia yang boleh di-gunakan oleh jumbo dan supersonic jet.

Pesta Sukan bagi menggantikan Sukan Borneo

BANDAR BRUNEI. — Sukan Borneo. — kejohanan sukan antara tiga wilayah yang telah di-adakan selama 15 tahun menurut giliran di-ketiga2 buah negeri Brunei, Sabah dan Sarawak telah di-hentikan.

Mulai tahun hadapan, sukan tersebut akan di-kenal sa-bagai Pesta Sukan yang akan di-langsungkan semasa perayaan2

kerana menyambut hari ke-puteraan Duli Yang Maha Mu-lia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan dalam bulan Julai.

Keputusan untuk tidak meneruskan Sukan Borneo telah di-chapai di-satu mashuarat yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada hari Rabu lepas antara pegawai2 persatuan2 su-kan dari ketiga2 buah negeri itu.

Sukan Borneo di-jadualkan akan di-adakan di-Brunei ta-hun ini pada 17 dan 18 Julai, serentak dengan masa peraya-an sambutan ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-24.

Dalam mashuarat itu, per-wakilan dari Sarawak dan Sa-bah telah menyatakan yang mereka tidak dapat menyertai sokan itu, kerana tarikh yang di-tetapkan kerana sukan itu se-rentak dengan Sukan Kom-monwealth.

Ketika menyampaikan sabda khas dalam kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama sa-Negeri Brunei yang ke-delapan di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah pada malam hari Ahad, 19hb. April, 1970, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Mada Omar Ali Saifuddin telah menimbulkan bakhakan ketika berlangsung istiadat2 meng-antarai gelaran.

Dalam majlis yang di-hadiri oleh pegawai2 dan guru2 Ugama dan jempunan2 khas itu, Duli Yang Teramat Mulia dengan sa-chara langsung

telah meminta Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama, Dr. Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri supaya dapat membuat tafsiran2 Bahasa Sanskrit yang terdapat dalam "CHIRI" itu ka-dalam Bahasa Melayu untuk mendapatkan pengartian yang sa-benar akan keseluruhan maana "CHIRI" itu.

Berikut ini ia-lah rakaman "forum" singkat antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Al-Sufri meng- dengan maana "CHIRI" tersebut.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan:

Sa-belum-nya saya atau beta beruchap menakala di-puhonkan memberi sa-patah dua tiga kata di-majlis yang berbahagia ini dan oleh kerana sa-bagaimana Duli Yang Maha Mulia telah bertitah "adat di-kandung adab" — oleh kerana "adat di-kandung adab", ka-lau tafsiran-nya kepada adat itu di-segi loghat maana mengenj dengan Ugama terlebih da- Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Al-Sufri telah menyiasat dan mengetahui ayat dan arti atau maana susunan "CHIRI" bagi mengarak, mengangkat dan menyampiri nama kepada pehin2 yang di-gelar dengan jalan berchiri. Maksud-nya, sa- ya atau beta, meminta atau memuhonkan Pehin Orang Ka- ya Amar Di-Raja Al-Sufri memberikan sa-chara ringkas arti chiri atau ayat chiri, ke- rana "adat mengandong adab" boleh jadi "adat mengandong adab" adat itu di-segi ugama, kalau2 pengertian chiri yang

**MENYALOKI MAANA
"CHIRI" GELARAN
DI-BRUNEI**

kataan "AHUTA": arti-nya "dengan nama". Yang di-mak- sudkan dengan nama itu ia- lah nama Tohan.

Kemudian sa-lepas "AHU- TA" itu di-iringi pula dengan perkataan "SERI MATA": arti-nya seri" bermaana "cha- haya"; dan "mata" arti-nya "mata" juga. Kedua2 perkata- an ini berarti ia-itu "SERI MATA" maana-nya "chahaya yang melihat". Jadi keseluruh- an-nya "AHUTA SERI MA- TA" bermaana: "dengan nama Tohan yang melihat".

"SERI BUANA" atau "SE- RI BUHANA" maana-nya "chahaya angkasa 'alam". Ka- lau dalam Bahasa Arab boleh- lah kita samakan dengan "rab- bul 'alamin".

Kemudian di-iringi pula de- ngan perkataan "SI-CHA- KAP". Mungkin "si-chakap" ini berasal daripada perkataan "SERI CHEKAP". Kalau de- mikian mungkin berarti "seri chekap" ini chahaya yang che- kap atau chahaya yang pantas. "PERKASA" pula kalau di- artikan dalam Bahasa Arab boleh di-katakan bersamaan dengan perkataan "aziz" atau dalam Bahasa Inggeris al- mighty".

"PERASANG SI-JAYA" arti-nya orang2 yang berjaya. "Sang" itu biasa-nya di-guna- kan pada zaman dahulu, sa- suatu perkataan yang di-letak- kan sa-belum nama orang2 yang mulia atau orang2 yang tertinggi sa-umpama "Sang Sa- purba". "PURBA" arti-nya sa- tu ketika yang berlanjutan atau boleh di-katakan abadi. Jadi "perasang si-jaya" bermaana "orang2 yang berjaya mengua- sai seluruh 'alam".

"O BAJANA" arti-nya "Oh Tohan". "MADANANDIKA": mungkin perkataan "madanandika" ini bermaana "engkau yang tinggi". Pada keseluruh- an-nya "O bajana madanandi- ka" berarti: "Oh Tohan, eng- kau yang tinggi".

"BACHUBALA" bermaana yang mempunyai kekuatan sa- umpama bala tentera. Kemu- dian perkataan itu di-ikuti pu- la oleh "KARTA MASKA- LANG KU PERMALA-MA- LAI" bermaana: "jadikan-lah kasturi yang harum semerbak dan di-sayangi." "Maska" arti- nya "kasturi".

"PEKERMA SERI BUA- NA" bermaana "yang melaku- kan sa-suatu kehendak kepada seluruh 'alam." — boleh juga di-artikan yang menguasai 'alam. Sa-lepas itu di-ikuti pu- la dengan rangkapan "AYUTA SI-DEWA2 PERBU" — "ayu- ta" bermaana "menjadi sen- jata". Dari itu perkataan ini keseluruhan - nya di-artikan "menjadi senjata kepada raja yang memerintah".

Ada juga di-tambah perkata- an "singgasana" sa-lepas per- kataan "ayuta". Perkataan tambahan ini biasa-nya di- gunakan untuk menggelar anak Sultan sahaja — yang di- maksudkan bahawa ia ada-lah satu daripada orang yang layak memelihara singgasana.

Sa-lepas itu baharu-lah di- sebut nama orang yang di-gelar itu dengan mengatakan bahawa orang yang di-gelar itu di- anugerahi nama (nama gelaran yang di-anuge- rahkan).

Keseluruhan-nya "CHIRI" ini dapat di-artikan ia-itu:



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Mada Omar Ali Saifuddin.

"Ahuta seri mata seri buana":

Maana-nya, "dengan nama Tohan yang melihat dan menguasai 'alam".

"Si-chakap perkasa persang si- jaya perbuhana":

Maana-nya, "yang chekap perkasa dan yang berjaya meng- uasai seluruh 'alam.

"O bajana madanandika ba- chubala":

Maana-nya, "Oh Tohan, eng- kau yang tinggi — yang mem- punyai kekuasaan".

"Pekerma seri buhana":

Maana-nya, "yang melaku- kan sa-suatu kehendak kepada seluruh 'alam."

"Karta maskalang kupermal- mala":

Maana-nya, "jadikan - lah kasturi yang harum semerbak dan di-sayangi".

"Warna utika ayuta si-dewa2 perbu":

Maana-nya "sa-bagai per- mata yang berwarna-warni dan menjadi senjata kepada raja yang memerintah".

Dalam mengeja2kan hamba tuanku mengenai dengan ini, hamba tuanku bukan orang ahli dalam Bahasa Sanskrit, tapi chuma hanya di-tanya ka- pada beberapa orang yang ta- hu Bahasa Sanskrit, kemudian di-bandingkan maana2 itu anta- ra satu dengan lain. Jadi kesim- pulan itu dapat di-artikan sa- pertimana hamba tuanku sem- bahkan itu. Kalau sekira-nya ada tersilap, hamba tuanku menjunjong ampun dan maaf.

(Lihat Muka 8)



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di- Raja Dato Utama Dr. Haji. Awg. Mohd. Jamil Al-Sufri.

di-siasat dan di-ketahui arti- nya oleh Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Al-Sufri itu sama ada betul atau menyalahi ugama atau terpaksa di-pinda di-sesuaikan gelaran sebutan chiri itu di-dalam istiadat menggelar yang selalu di-sebut "adat mengandong adab".

Dapat Pehin memberikan arti chiri yang asal-nya ia-lah dari Bahasa Sanskrit. Sila Pehin!

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Al-Sufri:

Menjunjong sabda Duli Yang Teramat Mulia, saya chuba2 saja untuk mengartikan apa dia maana "CHIRI" yang dalam Bahasa Sanskrit itu — ia-itu:

Pada keseluruhan-nya "CHI- RI" itu bermaana pujian atau terasul bagi sa-suatu lapadz gelaran yang mana awal kalimat-nya di-dahului oleh per-

BARANG di-ketahui bahawa sekalian mahlok ini ada-lah di-jadikan oleh Allah subhanahu-wataala, termasuk-lah manusia. Walau pun pada dzahir di-pandang dari segi mata kasar dan ilmu2 kejadian dengan sebab pergaulan jantina diantara lelaki dan perempuan, tetapi hakikatnya ada-lah daripada Allah. Dan sesudah di-jadikan untuk di-dunia ini, kita akan mati pada masa yang di-tetapkan sa-terus-nya akan di-hidupkan semula di-hari kiamat.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. telah hidup sa-orang munafik bernama Ubai bin Khalap telah datang menemui Rasulullah s.a.w. berkata: siapakah yang berkuasa menghidupkan manusia yang telah wafat dan hanchor lebor itu? Siapakah yang dapat menghidupkan tulang2 yang hanchor itu? Maka turun-lah ayat 77 hingga 83 dalam surat Yasin yang bermaksud:

"Tidak-kah manusia itu fikirkan bahawa kami telah chiptakan daripada sa-titek ayer mani, maka tiba2 ia jadi membantah yang nyata, dan ia adakan perumpamaan bagi kami sedangkan ia lupa kepada kejadian-nya. Ia berkata, siapakah boleh menghidupkan tulang2 pada hal ia sudah reph? Katakan-lah ya Mohammad, akan menghidupkan Allah Tohan yang telah menchiptakannya pada mula2-nya dan ia mengetahui akan kejadian yang telah di-jadikan bagi kamu daripada pohon yang hijau itu api lalu kamu nyalakan daripadanya. Tidakkah Tohan yang telah menchiptakan langit dan bumi itu berkuasa menchiptakan seperti mereka itu?. Dia (Allah) maha penchipta lagi menegetahui. Sesungguh-nya perintah Tohan apabila ia kehendak sa-suatu ia berkata kapada-nya, jadikanlah! lantas ia pun jadi! maha suchi Tohan yang di-tangan-nya kekuasaan tiap2 sa-suatu dan kapada-nya kamu akan di-kembanalakan."

Dari maksud ayat2 di-atas maka dapat-lah kita ambil sa-bagai pengajaran, di-antarnya kita wajib perchaya dan yakin akan ada-nya hari kiamat. Dan Tohan yang menjadikan mahlok sesungguhnya ia-mengetahui segala2-nya dan Allah berkuasa menjadikan apa sahaja yang di-kehendaki oleh Allah dan sekalian manusia akan menemui Allah pada hari kiamat untuk di-kira amalan yang telah di-buat di-dunia ini. Oleh itu kita sa-bagai umat yang telah mendapat nikmat yang sa-benar2-nya ialah iman dan Islam. Maka nikmat2 itu hendak-lah di-jaga dan di-buat akan segala kehendak2-nya kerana dengan berkata saya berimana atau saya orang Islam dan tidak mengerjakan surohan ugama Islam

Umat Islam jangan terpengaruh atas fikiran2 yang tidak berdasarkan hukum shara'

KHUTBAH JUMA'AT

dan melanggar perintah Allah ada-lah orang yang telah tidak menepati ikrar lidah-nya, kerana ada-lah di-takutkan orang2 yang seperti ini senang di-pengaruhi oleh fahaman2 salah dan sesat atau di-masoki oleh jarum2 musoh2 Islam yang sentiasa hendak menjatuhkan orang2 Islam kepada perkara2 yang hina sa-benar-nya, dengan lain perkataan musoh2 Islam sentiasa tidak berpuas hati salagi manusia ada menganut ugama Islam dan perchayakan Allah dan Nabi Mohammad itu pesuruh-nya.

Maka hendak-lah tiap2 orang Islam jangan terpengaruh dengan kata2 manis dengan alasan2 daripada fikiran2 yang tidak berdasarkan hukum shara' apalagi bersifat ragu2 di-atas apa yang sendiri telah perchaya, dan sekira-nya ada hendak-lah bertanya kapada orang yang mengetahui sa-belum sa-barang keputusan di-ambil. Moga2 iman kita ter-selamat daripada pendapat2 itu dan selamat-lah kita tetkala kembali menemui Allah di-hari kiamat dan berbahagia di-dunia, Amin.

Gunakan-lah ilmu pengetahuan yg. di-perolehi semasa kursus

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaludin Al-Haj telah menyeru kapada guru2 dan pegawai2 ugama, supaya menggunakan dengan baik ilmu pengetahuan yang mereka pelajari selama dalam kursus.

Beliau membuat seruan itu ketika beruchap di-upachara penutup Kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama selama satu minggu di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkih di-Bandar Brunei malam juma'at yang lepas.

Pengetua Pegawai Hal Eh-

Pesta ria

BANDAR BRUNEI. — Perbatasan Kampong Saba — PERKASA, akan mengadakan malam pestaria sempena pembukaan rasmi dewan Persatuan itu pada hari Juma'at 1 Mei mulai jam 8.00 malam.

Di-antara achara2 yang akan di - persembahkan ditemasha itu termasuk-lah silat, lawak jenaka, nyanyian dan hadrah.

Peraduan membacha sajak dan nyanyian asli Brunei yang hanya terbuka kapada persatuan2 belia Daerah Brunei Muara, juga akan di-adakan.

Pameran Urusan rumah tangga kelas2 dewasa

BANDAR BRUNEI. — Satu pameran hasil kerja tangan Kelas2 Dewasa Urusan Rumah Tangga akan di-adakan pada 25 Julai hadapan bertempat di-Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Brunei.

Penyusun Kelas2 Dewasa, Awang Umar bin Muhammad, menyatakan bahawa tujuan mengadakan pameran itu ialah untuk memberi peluang kapada pelajar kelas2 dewasa bagi menghidangkan pengetahuan yang mereka pelajari di-kelas2 urusan rumah tangga.

Di-samping itu, beliau menambah, pameran tersebut juga bertujuan sa-bagai sumbangan Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Negeri Brunei yang ke-24 tahun.

Beliau menyatakan, sa-buah jawatankuasa tertinggi dan jawatankuasa akan di-bentuk. Jawatankuasa2 ini-lah akan bertanggung jawab bagi menyusun rancangan dan melaksanakan pameran itu.

Awang Umar menyeru kapada semua penyelia2 kelas2 dewasa membuat persiapan dan mengarahkan guru2 urusan rumah tangga dalam jagaan mereka supaya semua pelajar2 kelas urusan rumah tangga akan mengambil bahagian dalam pameran itu.

wal Ugama itu menegaskan lagi, supaya guru2 dan pegawai2 ugama tidak akan ragu2 menchurahkan semua ilmu pengetahuan mereka bagi menjalankan tugas sa-hari2, dan menyampaikan kapada rakan2 mereka yang tidak berkesempatan mengikuti kursus itu.

Beliau juga menguchapkan terima kasih kapada pencheramah2, pesharah2 dan kapada semua pehak yang berkenaan, kerana memberikan kerjasama untuk menjayakan kursus itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29 April 1970 hingga ka-hari Selasa 5 Mei 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
29 April		12-24	3-39	6-31	7-45	4-41	4-55	6-09
30 April		12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
1 Mei		12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
2 Mei		12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
3 Mei		12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
4 Mei		12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
5 Mei		12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEGAWAI PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan bagi memenuhi jawatan2 Pegawai Pelajaran di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai ijazah Honours dari sa-buah universiti yang di-iktiraf dan mempunyai kelulusan professional dalam pendidikan. Mereka mesti-lah boleh memberi kuliah dalam Bahasa Melayu dalam Pendidikan, Chara2 Mengajar dan Saikoloji Pendidikan. Mempunyai pengalaman dalam memberi kuliah di-sa-buah Maktab Perguruan akan merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 EB3 — BS1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50-1820. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman mengajar yang di-perolehi oleh chalu2.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan

Sa-bagai Penolong Rendah Electro-Cardiographic

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang berkelayakan atau terlatih yang terdiri dari Penolong Rendah Electrocardiographic di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Pemohon yang berjaya akan juga di-kehendaki bertugas sa-bagai Penyambut untuk Doktor Pakar Perubatan dan membantunya sebagaimana yang di-arahkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — S210 x 10 — 260/EB-270 x 15 — 360.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Mei, 1970.

di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubanan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama, bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubanan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mei, 1970.

Di-Pejabat Daerah Temburong

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong di-Pejabat Daerah Temburong. Hanya orang2 yang tinggal di-Daerah Temburong dan mempunyai pengetahuan tentang daerah ini di-kehendaki memohon.

a) MANDOR.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 dan 45 tahun.
- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu atau yang bersamaan.
- Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman mengawas pekerja2 buroh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB3 — S180 x 5 — 195/EB/ 200 x 5 — 220.

b) PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 40 tahun serta boleh membaca dan menulis.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut selama sekurang2-nya 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — S200 x 5 — 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Mei, 1970.

Sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenuhi jawatan sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh di-Balai Polis Lamunin. Hanya orang2 yang tinggal berdekatan dengan Lamunin di-kehendaki memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji S160 x 5 — 175/EB/180 x 5 — 195.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5hb. Mei, 1970.

Sa-bagai Juru

Trengkas Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Juru Trengkas Melayu di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis tulisan Trengkas Melayu selaju sekurang2-nya 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB4 — S380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Mei, 1970.

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenuhi jawatan sebagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Jawatan ini ada-lah bagi Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.

Hanya orang2 yang tinggal di-daerah Tutong di-kehendaki memohon:-


- Umor — 20 hingga 45 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah ruhir membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — S200 x 10 — 440.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 April, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Amaran kpd. sharikat2: Pendaftaran mungkin di-batalkan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Bahagian Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj memberi amaran kemungkinan di-batalkan pendaftaran firma2 dan sharikat2 perniagaan yang tidak menghraikan borang2 pertanyaan mengenai butir2 pengkajian ekonomi yang mereka terima dari Kerajaan.

Awang Abdul Aziz Al-Haj berkata bahawa badan perniagaan dan perusahaan yang gagal menjawab dengan mengisikan borang2 pertanyaan pengkajian berpos itu akan di-sifatkan sa-bagai tidak lagi menjalankan perniagaan atau perusahaan dan sharikat2 atau firma2 itu akan di-keluarkan dari Daftar Perniagaan.

Pengkajian berpos mula di-lancarkan dalam bulan Mach lepas dan setakat ini sa-banyak 876 badan2 perniagaan dan perusahaan maseh belum menjawab soalan tersebut.

Borang2 tersebut ada-lah memerlukan keterangan asas mengenai tenaga buruh sa-sebuah sharikat atau badan perniagaan, tempat2 perniagaan itu di-jalankan dan berapa lamakah ia-nya telah di-tubuhkan. Pengkajian itu ada-lah bertujuan untuk mengumpolkan chatetan ekonomi untuk di-gunakan sa-bagai panduan dalam perancangan ekonomi negeri ini di-masa hadapan.

Awang Abdul Aziz Al-Haj berkata, sa-jumlah 4,492 buah badan2 perusahaan yang terdaftar, sa-banyak 1,564 buah di-anggap tidak lagi menjalankan perusahaan. Borang2 pertanyaan yang telah di-kirim kepada badan2 perusahaan itu telah balek semula ka-Jabatan Setia Usaha Kerajaan dan ini di-sifatkan telah berpindah.

Awang Abdul Aziz Al-Haj berkata, bahawa untuk menjadikan chatetan ekonomi yang di-ran-changkan itu berfaedah dan berguna, maka semua badan2 perniagaan yang menjalankan apa jua perusahaan sama ada pedagang, pengimpot dan pengxpot, tukang jahit, pembuat perabot, pemborong2 dan lain-nya hendak-lah memberikan kerjasama dengan memberikan keterangan seperti yang di-perlukan oleh borang2 pertanyaan itu.



MALAM PERTIWI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan PERTIWI, Daerah Brunei-Muara akan mengadakan 'Malam Pertiwi' bertempat di-Pusat Belia, Bandar Brunei pada hari Juma'at 1 Mei mulai 7.30 malam.

Achara2 yang akan di-persembahkan pada malam itu termasuklah Pertunjukkan Pengantin Bersanding, lagu2 asli, pertunjukkan pakaian dan persembahan lagu2 moden.

Tiket2 yang berharga \$1.50 \$1.00 dan 50 sen untuk menyaksikan persembahan2 itu akan di-jual di-pintu masuk dewan tersebut.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Datu Patinggi Maha Kurnia Di-Raja Dato Seri Utama Sir Denis Charles White sedang menaiki pesawat helikopter AMDB yang membawa beliau ka-Kota Kinabalu, Sabah dalam perjalanannya pulang ka-London sa-telah mengadakan lawatan singkat ka-negeri ini.

Pehin Orang Kaya Datu Patinggi Maha Kurnia Di-Raja ia-lah Wakil Kerajaan Brunei di-United Kingdom dan beliau telah di-anugerahkan gelaran Pehin oleh Duli Yang Maha Mulia dalam satu istiadat yang berlangsung di-Lapau pada 20 April lepas.

Amaran Pmk. Pengawal Kastam kapada pengimpot barang2

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengawal Kastam dan Bea, Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj telah mengingatkan kapada pengimpot2 mengenai tentang keperluan menunjukkan dokument2 yang tertentu

bagi memudahkan pengeluaran barang2 dari kastam.

Beliau memberi amaran bahawa tindakan undang2 akan di-ambil terhadap pengimpot2 yang sengahaja mengelirukan pegawai kastam berhubung dengan harga, negara asal barang2 dan lain2 maklumat yang di-nyatakan dalam borang pengakuan.

Awang Abdul Aziz Al-Haj berkata bahawa terdapat penambahan bukan sahaja jumlah dan jenis barang2 yang di-impot tetapi juga jumlah pengimpot2 dan negara2 yang mengxpot barang2 tersebut.

Beliau berkata, barang2 itu akan di-tahan oleh Jabatan Kastam jika dokument-nya tidak betul atau jika hanya salinan2 invoice di-tunjukkan.

Pemangku Pengawal Kastam itu berkata, invoice2 yang berupa salinan atau tidak sempurna seperti yang tidak bertanda tangan dan sa-umpamanya akan menyebabkan perjalanan barang2 keluar dan masuk ka-kastam akan tergendala.

Awang Abdul Aziz Al-Haj telah meminta pengimpot2 supaya bekerjasama dengan menunjukkan dokument2 asal bagi membolehkan Jabatan Kastam mengeluarkan barang2 dengan segera dan mengelakkan dari tergendala.

Kata-nya, sa-barang invoice yang di-dapati tidak asli akan di-periksa dan barang2 yang di-nyatakan dalam invoice itu akan dinilai semula oleh pehak Jabatan Kastam.

Menyaloki maana "Chiri" gelaran di-Brunei

(Dari Muka 5)

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan:

Terima kaseh. Itu ada-lah menjadi satu, boleh jadi di-jadikan satu tajok permuzakarahan dan ayat "CHIRI" itu kalau dia menyentoh kapada loghat maana-nya di-segi uga-ma.

Nukilan perkataan2 yang terkandung di-dalam CHIRI itu saperti yang di-sebutkan di-bawah ini:

"Ahuta sir mata (seri mata), seri buhana (buana), si-chakap (seri chekap), perkasa perasang si-jaya, Perbuhana (perbuna), au bajana madanandika bachubala. Pekerma seri buhana. Karta maskalung ku permalamalai. Warna utika ayuta si-dewa2 perbu. Bahawa (nama orang yang hendak di-gelar), di-anugerahkan nama, peri nama (nama gelaran yang hendak di-kurniakan) peri menegohkan taat setia bakti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan serta pengganti2-nya di-Negeri Brunei Darusalam. Daulaton kai matun bil hidayat mir rabbil alamin. Amin, amin, amin. Allahu-mma amin".

Dari keseluruhan-nya isi CHIRI itu dapat-lah di-susun maksud-nya saperti berikut:

"Dengan nama Tohan, yang maha melihat, yang maha menerangi alam, yang chekap perkasa, yang berjaya menguasai alam, Oh Tohan yang tertinggi, engkau yang mempunyai kekuasaan, yang melakukan sesuatu kehendak, kapada seluruh alam, jadikan-lah kasturi, yang harum semerbak dan di-sayangi, sa-bagai permata yang berwarna warni, menjadi senjata kapada raja yang memerintah".

Peraduan bayi sehat

BANDAR BRUNEI. — Perkumpulan Wanita Brunei merancang hendak mengadakan peraduan "Bayi yang sehat" di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pada 8 Mei.

Peraduan itu, yang ke-empat di-anjorkan oleh perkumpulan wanita itu, ada-lah salah satu dari projek tahunan pertubuhan itu.

Sa-orang juruhcekap bagi pertubuhan itu berkata, peraduan itu bertujuan untuk menggalakkan ibu2 bagi memberi jaganan dan perhatian yang sempurna kapada bayi2.



Pasokan bola sepak Brunei yang turut menyertai Pesta Bola Sepak Pemuda Asia yang kini berlangsung di-Manila kelihatan sedang berbaris dalam upacara pembukaan perlawanan tersebut.